Ali ingin menyiasat bagaimana suhu air mempengaruhi masa yang diambil untuk gula melarut. Dia menyediakan tiga gelas yang mengandungi air pada suhu yang berbeza iaitu sejuk (10°C), suam (40°C) dan panas (80°C). Dia menambah jumlah gula yang sama ke dalam setiap gelas dan mengacau sehingga gula melarut sepenuhnya. Hasil pemerhatian ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Jadual 1.



Suhu air (°C)	10	40	80
Masa gula untuk melarut (minit)	5 minit	2 minit	1 minit

Rajah 1

a. Berdasarkan rajah di atas, apakah pemerhatian bagi penyiasatan ini?

.....

(1 markah)

b. Nyatakan inferens bagi jawapan di 1 (a).

.....

(1 markah)

c. Nyatakan:

(i) Pemboleh ubah dimanipulasi: .....

(1 markah)

(ii) Bergerak balas: .....

(1 markah)

(2 markah)

d. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi penyiasatan ini?

.....

.....

(2 markah)

LIVEWORKSHEETS